

KERATAN AKHBAR

JUDUL : SIAKAP KELI

TARIKH : 24 September 2024

SITASI :

M/S :

Naqiyah, N. (2024, September 25). Perpustakaan negara malaysia (pnm) anjur persidangan antarabangsa manuskrip melayu (pamm) 2024. *Siakap Keli*. Retrieved September 25, 2024, from <https://siakapkelimyl.com/2024/09/25/perpustakaan-negara-malaysia-pnm-anjur-persidangan-antarabangsa-manuskrip-melayu-pamm-2024/>.



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Anjur Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2024

Oleh Nurul Naqiyah
sehari lepas



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Anjur Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2024

KUALA LUMPUR, 24 September 2024 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2024 secara hibrid di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hari ini.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara mewakili YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN) dan Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD) adalah bertujuan untuk **menggalakkan masyarakat menghargai manuskrip Melayu** sebagai manifestasi kearifan ilmuwan bangsa dan memberi pendedahan kepada masyarakat kepentingan manuskrip Melayu.

Di samping itu, **sebagai platform untuk para penyelidik manuskrip Melayu dari seluruh dunia berwacana dan menjalinkan kerjasama strategik.**



Persidangan tahun ini **merupakan penganjuran kali yang ke-7** dengan bertemakan **Kitab Tib : 1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional** yang berlangsung selama dua (2) hari mulai 24-25 September 2024 dan menampilkan sembilan (9) orang pembentang dalam negara dan dua (2) orang pembentang dari Indonesia. **Seramai 500 orang peserta** terdiri daripada pelbagai golongan seperti para penyelidik, sejarawan, ahli filologi, pensyarah dan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), Badan Bukan Kerajaan (NGO), pengamal perubatan tradisional dan masyarakat umum menyertai persidangan ini.

Pelaksanaan program ini bertepatan dengan inisiatif untuk **mempromosikan kesedaran tentang warisan budaya kita, termasuk manuskrip Melayu bagi menyemarakkan semangat kenegaraan.**



Tambah beliau lagi, dengan mengetengahkan dan mempromosi kepentingan manuskrip Melayu, Kementerian bukan sahaja **memelihara khazanah intelek negara** tetapi juga menggalakkan **dialog dan pemahaman antara masyarakat** yang merupakan **asas kepada perpaduan dan keharmonian dalam negara yang berbilang kaum**.

KPN percaya persidangan ini dapat menjadi satu wadah dalam memangkinakan perkembangan perubatan tradisional Melayu khususnya agar lebih mendapat pengiktirafan dan berupaya menjadi satu cabang amalan perubatan, penyelidikan dan penyebaran ilmu yang lebih meluas tanpa mengira sempadan negara, kaum dan budaya.

Selain itu, penganjuran persidangan ini sedikit sebanyak dapat mempromosi koleksi **manuskrip Melayu** di samping membugarkan penyelidikan manuskrip Melayu demi kelestarian dan kebitaraan ilmu. Untuk rekod, sehingga kini **PNM memiliki sebanyak 5,252 naskhah koleksi manuskrip Melayu** untuk dirujuk dan dikaji.

Sumber : <https://siakapmeli.my/2024/09/25/perpustakaan-negara-malaysia-pnm-anjur-persidangan-antarabangsa-manuskrip-melayu-pamm-2024/>